

Sidang Kemuncak Islam Dicabar Oleh Gamal Abdel Nasser

Lebih daripada tiga belas kurun lamanya dasar bersatu dan bersefahaman di dalam Islam tetap berjalan.

Adanya khalifah-khalifah di dalam masa itu hanyalah menjadi cogan daripada tujuan-tujuan itu. Di dalam sejarah juga

lebih kurang seratus tahun dahulu Jamal al-Din al-Afghani, Shaykh Muhammad Abduh, al-Sayyid Rashid

Rida dan al-Allama Iqbal dari Pakistan, dengan tulisan-tulisan, adalah sentiasa menghidupkan di dalam

perasaan tiap-tiap orang dengan tulisan-tulisannya bagaimana mustahaknya orang-orang Muslimin bersatu padu dan

bersefahaman.

(Oleh wakil kita di luar negeri)

Pemimpin-pemimpin yang utama seperti Maulana Muhammad Ali di dalam bahagiannya sebahagian daripada dunia, Haji Oemar Said Tjokroaminoto di Indonesia, Mufti Besar Palestin Haji Amin al-Husseini, dan lain-lainnya di dalam masa kita ini adalah sentiasa menghidupkan semangat dunia Islam supaya bersatu dan bekerjasama.

Sungguhpun kedudukan khalifah telah habis, dihabiskan oleh Kamal Ataturk tetapi ia tidaklah berkedudukan menentang persatuan yang ditaja oleh umat Islam. Ini terbukti daripada kemahuan dan cita-citanya hendak mendirikan satu pertubuhan negara-negara Islam untuk menyatukan orang-orang Islam dan dengan kerana itu adalah dipercayai ia telah pergi ke Saadabad, Iran, kerana menandatangani suatu perjanjian yang terkenal dengan Perjanjian Saadabad.

Apabila Sultan Ibn Saud pada tahun 1926 mengadakan pertama-tama *Mu'tamar al-'Ālam al-Islāmī* di Makkah, wakil-wakil daripada negara-negara Islam bersetuju kepada adanya persatuan dunia untuk menyampaikan cita-citanya ini. Tidaklah dilupakan bahawa dengan kemahuan yang kuat daripada Liaquat Ali Khan

mengadakan Muktamar Islam yang keempat pada tahun 1954 di Karachi. Di dalam muktamar ini lahir dan tegas bahawa kesatuan kerjasama di antara persatuan umat Islam itu adalah sangat-sangat dikehendaki. Selain daripada Perjanjian Saadabad, suatu percubaan dalam taraf negara telah dibuat pada tahun 1954 di dalam mana *President* Gamal Abdel Nasser dan Ghulam Muhammad dari Pakistan telah mengadakan perjumpaan di Makkah dan telah bersetuju akan memulakan suatu pertubuhan dunia Islam tetapi dengan tak semena-mena percubaan ini telah gagal.

Dalam persidangan-persidangan yang kelima dan keenam muktamar di Baghdad dan Mogadishu, persidangan di Makkah oleh al-Rābiṭah dan orang-orang Islam Afro-Asia di Jakarta telah menunjukkan bahawa orang-orang di dalam dunia Islam adalah sangat berhajat kepada persatuan dan persefahaman umat Islam seluruhnya. Sesudah beberapa lama kemudian, maka timbullah suatu cita-cita persidangan kemuncak yang patut diadakan sedikit masa dahulu dengan anjuran *President* Aden Abdullah Osman dari Somali. Dalam masa persidangan *al-Rābiṭah al-'Ālam al-Islāmī* yang telah

diadakan di dalam musim haji tahun 1384 (1965) al-Malik Faisal telah mengemukakan cadangan ini dan semenjak daripada itu baginda telah melawat dari sebuah ke sebuah negeri. Tujuan lawatan baginda adalah menjadi tujuan yang utama supaya negara-negara Islam bersatu.

Tidak kurang pula di dalam soal-soal ini akan timbul salah faham dan salah pengertian serta fitnah-fitnah yang ditimbulkan kerana tujuan-tujuan yang baik itu.

Adalah menjadi suatu perkara yang biasa kalau tujuan-tujuan hendak menyatukan satu-satu negara bersama-sama di dalam satu himpunan bahawa yang demikian itu tentunya akan menimbulkan pula dua fahaman dan akan menimbulkan pula salah faham dan kedengkian.

Salah faham yang pertama adalah ditimbulkan oleh setengah-setengah negara Arab dengan alasan-alasan yang tidak tepat yang mengatakan bahawa cadangan al-Malik Faisal adalah bertujuan untuk menimbulkan satu perjanjian jenis Baghdad iaitu ikatan-ikatan ketenteraan. Apabila tuduhan-tuduhan ini timbul maka al-Malik Faisal menjelaskan kedudukannya bahawa tidak ada niatnya sekali-kali bagi rancangan itu bertujuan ketenteraan bahkan yang